



# SUKAN

» Latihan ragbi UPM  
di New Zealand **6V16**



Oleh Rosniza Mohd Taha  
yoniza@bh.com.my

► Serdang

# Latihan ragbi pasukan UPM di Bumi Kiwi

Seramai 12 ahli pasukan ragbi Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang Angels, menjalani latihan intensif di bumi ragbi dunia di Kolej Rifles, New Zealand menerusi kerjasama dengan Akademi Ragbi Antarabangsa New Zealand (IRANZ).

Latihan selama lapan hari itu dikendalikan Kapten Pasukan All Blacks Sevens New Zealand, DJ Forbes; Peter Russell dan Edwin Crocker dan Nira Ransinghe.

Pelaksanaan latihan di negara yang terkenal dengan kekuatan pasukan ragbi itu termasuk aspek fokus mental dan kekuatan fizikal, taktik, strategi serta kemahiran menghantar dan menerima bola.

## Tingkat mutu atlet

Peluang latihan dengan akademi latihan antarabangsa termasuk IRANZ adalah antara pengisian program pembangunan sukan ragbi di UPM dalam usaha meningkatkan mutu atlet hingga mampu bersaing di pentas antarabangsa.

Sementara itu, IRANZ, menerusi kenyataan dalam laman web rasminya merakamkan rasa bangga dapat berkongsi kepakaran dengan UPM dalam memantapkan mutu pasukan universiti itu.

Kursus intensif yang dikendalikan jurulatih pakar IRANZ itu ditawarkan kepada institusi seluruh dunia dan boleh disesuaikan pengisian serta tempoh latihan mengikut keperluan organisasi berkaitan.



Latihan menghantar dan menerima bola.



Ahli pasukan Serdang Angels berpeluang mengikuti bimbingan jurulatih pakar IRANZ menerusi sesi latihan intensif di New Zealand.



Ahli pasukan Serdang Angels mendengar taklimat daripada jurulatih pakar IRANZ.

PELUANG LATIHAN DENGAN AKADEMI LATIHAN ANTARABANGSA TERMASUK IRANZ ADALAH ANTARA PENGISIAN PROGRAM PEMBANGUNAN SUKAN RAGBI DI UPM DALAM USAHA MENINGKATKAN MUTU ATLET”